

Untuk Akaun Deposit iaitu Akaun Semasa (CA), Akaun Semasa-i (CA-i), Akaun Simpanan (SA), Akaun Simpanan-i (SA-i), Simpanan Tetap (FD), Simpanan Tetap-i (FD-i) dan Kad Debit.

E-PENYATA MELALUI E-MEL/CLICKS

1. Saya lebih gemar menerima penyata fizikal, bolehkah saya minta penyata fizikal untuk akaun deposit saya?

Ya, anda boleh mengikuti langkah-langkah ini untuk beralih kepada penyata fizikal:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks www.cimbclicks.com.my

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada 'Stop/Resume Paper Statement'

Langkah 3: Pilih 'Resume'

Langkah 4: Terima Pengisytiharan, dan pilih 'I Agree & Confirm'

Setelah mengikuti langkah-langkah di atas untuk beralih kepada penyata fizikal, anda akan menerima penyata fizikal dalam kitaran penyata bulan berikutnya. Sebagai alternatif, anda boleh mengunjungi Cawangan CIMB terdekat anda untuk meminta peralihan kepada penyata fizikal.

2. Bagaimanakah saya dapat menyemak e-Penyata akaun deposit saya melalui CIMB Clicks?

Log masuk ke CIMB Clicks dan lihat penyata akaun deposit bulanan anda dengan mengikuti langkah-langkah berikut:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks www.cimbclicks.com.my

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada 'View eStatement'

Langkah 3: Pilih bulan

Langkah 4: Muat turun penyata

3. Bagaimanakah saya minta penghantaran e-Penyata ke alamat e-mel saya?

Sila ikuti langkah-langkah ini untuk melanggan Penghantaran Penyata E-mel:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks www.cimbclicks.com.my

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada 'Email Statement Delivery'

Langkah 3: Masukkan alamat e-mel & kata laluan untuk Penyata E-mel anda

Langkah 4: Pilih 'Yes' untuk menerima Terma-Terma & Syarat-Syarat > Pilih 'I Agree & Confirm'

Langkah 5: Lakukan pengesahan Kod Kebenaran Transaksi ("TAC") dan klik 'Confirm'

4. Bagaimanakah saya mengemas kini alamat e-mel saya untuk e-Penyata?

Sila ikuti langkah-langkah ini untuk mengemas kini alamat e-mel anda untuk Penghantaran Penyata Emel:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks www.cimbclicks.com.my

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada 'Email Statement Delivery'

Langkah 3: Kemas kini E-mel / Kata Laluan untuk Penyata E-mel anda & lakukan pengesahan Kod Kebenaran Transaksi ("TAC")

Untuk pertanyaan mengenai penyata, hubungi CIMB Customer Resolution Unit (CRU), P.O Box 10338 GPO Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603-6204 7788 / e-mail: contactus@cimb.com.